

## **KAEDAH TALAQQI MUSYAFAHAH DALAM PENGAJARAN AL QURAN WA AL-HIFZ KURIKULUM DINI SABK DI PERAK**

***METHOD OF TALAQQI MUSYAFAHAH IN TEACHING  
AL QURAN WA AL-HIFZ DINI CURRICULUM SABK IN PERAK***

**Norhisham bin Muhamad<sup>1</sup>**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
(Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my)

**Azmil bin Hashim<sup>2</sup>**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.  
**Wahyu Hidayat Bin Abdullah<sup>3</sup>**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman<sup>4</sup>**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**Fatin Ardani Binti Zamri<sup>5</sup>**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**Received date:** 22-07-2019

**Revised date:** 06-08-2019

**Accepted date:** 08-08-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 273-283.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.4320025

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan Talaqqi Musyafahah pengajaran Al Quran Kurikulum Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Perak, mengkaji tahap penguasaan bacaan Al Quran dan hubungan antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan penguasaan bacaan Al Quran pelajar SABK. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif melalui soal selidik dengan melibatkan 304 orang pelajar tingkatan empat SABK di negeri Perak. Data kajian yang dikumpul, diproses dengan menggunakan perisian windows SPSS versi 22.0. Penemuan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Talaqqi Musyafahah berada pada tahap tinggi ( $\text{min}=4.15, \text{sp.}=0.65$ ) dan penguasaan bacaan al Quran pelajar adalah tinggi ( $\text{min}=4.28, \text{sp.}=0.52$ ). Kajian juga menunjukkan juga bahawa wujudnya hubungan yang sederhana tinggi ( $r=0.514, p<0.01$ ) antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan penguasaan bacaan Al Quran. Secara keseluruhan, hubungan antara pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dengan tahap penguasaan adalah kukuh. Ini membuktikan talaqqi Musyafahah penting dalam pengajaran dan pembelajaran al –Quran. Implikasi daripada

kajian menunjukkan pelaksanaan Talaqqi Musyafahah dapat meningkatkan penguasaan bacaan al Quran pelajar.

**Kata Kunci:**Talaqqi Musyafahah, Al Quran Wa Al-Hifz, Kurikulum Dini, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

**Abstract:** This study was conducted to identify the implementation of Talaqqi Musyafahah on teaching al-Quran in Dini Curriculum at the Perak Government Assisted Religious Schools (SABK), to study the level of achievement in Al Quran reading and the relationship between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement of Al Quran reading of SABKs' students. Research information was obtained through quantitative methods from questionnaires involving 304 form four SABKs' students in Perak. The collected data was processed using the windows program of SPSS software version 22.0. The results of the study indicate that the implementation of Talaqqi Musyafahah was high ( $mean=4.15$ ,  $sp.= 0.65$ ) and the achievement of al Quran reading was high ( $mean=4.28$ ,  $sp=0.52$ ). The study also shows that there was a moderate high relationship ( $r=0.514$ ,  $p <0.01$ ) between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement of the al Quran reading. Overall, the relationship between the implementation of Talaqqi Musyafahah with the achievement level was strong. This proved that Talaqqi Musyafahah is important in teaching and learning of al-Quran. Implications from the study show that the implementation of Talaqqi Musyafahah can enhance the achievement of reading the al Quran among the students.

**Keywords:** Talaqqi Musyafahah, Al Quran Wa Al-Hifz, Dini Curriculum, Government Assisted Religious Schools (SABK)

---

## Pendahuluan

Usaha-usaha untuk memartabatkan Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah menyebabkan berlakunya transformasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia menerima pendaftaran Sekolah Agama Rakyat dengan nama Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dalam usaha memartabatkan SABK, KPM memperkenalkan satu kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). KBD diperkenalkan pada tahun 2015 hasil daripada cadangan Jawatankuasa Khas Tan Sri Murad pada Ogos 2004. Kurikulum Bersepadu Dini merupakan gabungan kurikulum *Buu'th Azhari* yang dilaksanakan oleh setiap negeri yang diselaraskan dengan kurikulum Kebangsaan dan dibangunkan berdasarkan *manhaj ahli sunah wa al-jemaah* dan mengambil kira pendapat muktabar Mazhab Shafi'e (KPM,2015).

Mata pelajaran Syariah yang ditawarkan di dalam kurikulum dini sebenarnya merangkumi 2 bidang iaitu *al-Quran wa al- Hifz* dan juga Fiqh. Bidang *al-Quran wa al-Hifz* pula meliputi bacaan al-Quran yang berkualiti dengan bertajwid yang betul serta hafazan yang meliputi surah dan makna kalimah terpilih dan keseluruhan surah al-Mulk, Yasin, al-Sejadah, al-Insan bersama keseluruhan maknanya. Manakala bidang Fiqh meliputi Fiqh Ibadat, Fiqh Munakahat, Fiqh Muamalat dan Fiqh Jinayat (KPM, 2015).

Bidang *Al Quran Wa Al Hifz* merupakan salah satu sukanan pelajaran yang terkandung dalam bidang ulum syariah kurikulum bersepadu dini (KBD) di Sekolah Agama Bantuan kerajaan (SABK). Ia memerlukan satu bentuk pengajaran yang berkesan dalam memastikan penguasaan pelajar dalam bidang al-Quran. Pengajaran ialah suatu tugas dan aktiviti yang dilakukan

secara bersama oleh guru dan pelajarnya. Pengajaran tidak akan berlaku tanpa salah satu daripadanya. Pengajaran perlu dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. (Shababuddin et al. 2003).

### **Penyataan masalah**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan hubungan dua hala di antara pengajar dan pelajar. Isu permasalahan membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasohah, tilawah bertajwid dan bacaan secara *tadwir* dan *tartil* dalam kalangan pelajar Islam berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi (Mohd Faisal, Zawawi & Rahimi , 2008). Kajian yang dilakukan oleh Hajarul Bahti Zakaria (2010) mendapati bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran adalah berpuncak daripada penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi.

Aspek kaedah pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas didapati kurang memberi kesan terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid walaupun mereka telah diajar selama enam tahun di peringkat sekolah rendah. Maka, kaedah pembelajaran Tilawah al-Quran pada peringkat sekolah rendah perlu dipertingkatkan untuk mengatasi masalah tersebut (Hajarul, Huzairi, Hidayat, Hayati dan Nabiroh, 2010).

Di antara kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ialah kaedah *talaqqi musyafahah*. Kebarangkalian pelajar yang ramai dalam satu kelas juga menyebabkan proses *talaqqi musyafahah* menjadi lambat sehingga proses ini melibatkan masa dua ke tiga minggu untuk menyempurnakan satu slot bacaan al-Quran. Dapatkan kajian Ab. Halim et al. (2004) menunjukkan bahawa para guru kurang melakukan aktiviti *talaqqi musyafahah* semasa berlangsungnya sesi pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran. Kajian yang dilakukan oleh Abd Razak Othman (1988), menjelaskan murid-murid yang terlalu ramai dalam sesuatu kelas pendidikan Islam menyebabkan guru tidak dapat memberikan perhatian kepada mereka semua. Manakala kajian Ab. Halim et. al. (2004) mendapati guru pendidikan Islam kurang melakukan aktiviti *talaqqi musyafahah* semasa pengajaran Tilawah al-Quran. Menerusi kajian Mohd Alwi et. al. (2003), Ab. Halim (2005) dan Ab. Halim et. al (2006) mendapati kelemahan dalam pengajaran pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar.

Kajian yang dijalankan di Negeri Sembilan Ramlan Ahmad (2000) mendapati kemahiran membaca al-Quran, mendapati daripada sejumlah 164 orang responden, seramai 80 orang iaitu (48.8%) telah khatam al-Quran ketika di tahun 4 hingga ke tahun 6, manakala 56 orang iaitu (34.1%) adalah terdiri daripada mereka yang belum khatam al-Quran. Peratus bilangan mereka yang telah khatam al-Quran sebelum memasuki sekolah berasrama penuh bertambah sedikit iaitu sebanyak 65.9% namun dari segi tahap kelancaran masih di peringkat sederhana.

Berdasarkan kajian Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2008) menunjukkan masih terdapat pelajar yang gagal dalam ujian bacaan al-Quran yang dijalankan dan tidak kurang juga yang mencapai tahap cemerlang. Walaupun pada keseluruhannya peratus kelulusan yang diperolehi agak besar namun kualiti bacaan berdasarkan hukum-hukum bacaan yang ditetapkan masih tidak dapat dibanggakan. Manakala dapatan kajian oleh Sapie Sabilan (2018) menunjukkan masih terdapat pelajar yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran. Mereka

ini telah dikenalpasti tidak mendapatkan kelas tambahan pembelajaran al-Quran di luar sekolah sama ada dari Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) mahu pun secara persendirian

Berdasarkan isu-isu yang diutarakan di atas, berkemungkinan permasalah yang diperbincangkan berlaku dalam kalangan guru dan pelajar di SABK negeri Perak. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui adakah kaedah *talaqqi musyafahah* dilaksanakan oleh guru-guru yang mengajar matapelajaran syariah dalam bidang al-Quran wa al-Hifz dan tahap pencapaian pelajar dalam bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar SABK di negeri Perak.

### **Objektif kajian**

Kajian yang dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran al-quran yang dilaksanakan di SABK. Tujuan kajian secara terperinci adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti pelaksanaan *talaqqi musyafahah* pengajaran al-Quran Kurikulum Dini di SABK Perak
- ii. Mengkaji tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK di Perak
- iii. Menentukan hubungan antara pelaksanaan *talaqqi musyafahah* dengan penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK

### **Kajian Kepustakaan**

Satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam pengajaran guru adalah bagaimana untuk mempelbaikan kaedah pengajarannya supaya dapat menarik minat pelajar dan sekaligus memastikan pelajar dapat menguasai sesuatu ilmu dengan baik. Oleh hal yang demikian, beberapa pandangan tokoh berkaitan kepentingan pemilihan kaedah pengajaran disenaraikan untuk menyerlahkan lagi kepentingannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Kaedah merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pembelajaran yang spesifik dalam jangka pendek (Sedek bin Ariffin, 2009). Menurut al-Kailani (1986) terdapat lima kaedah mengajar al-Quran yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran, iaitu pemilihan kaedah mesti selaras dengan objektif pengajaran, kaedah mesti sesuai dengan mata pelajaran yang diajar, kaedah yang digunakan mesti sepadan dengan usia pelajar, kemampuan guru untuk mengaplikasi kaedah yang dipilih dan masa yang cukup apabila mengaplikasikan mana-mana kaedah yang dipilih. Abdul Halim (1991) menyatakan membaca al-Quran adalah membaca kalam Allah S.W.T yang mesti dibaca dengan betul dari makhraj dan tajwidnya supaya tidak terpesong maknanya. Justeru dalam mempelajari al quran untuk memperbetulkan bacaan hendaklah menggunakan kaedah yang bertepatan dan bersesuaian

Mohd Yusuf Ahmad (2000) menegaskan objektif dari perspektif yang lebih luas dan bersepada dalam pengajaran al-Quran telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w sebanyak enam prinsip pengajaran dan pembelajaran al-Quran, kemudian diikuti oleh para sahabat sehingga ke generasi hari ini. Enam kaedah dan amalan pendidikan pengajaran al-Quran itu ialah:

- i. Tilawah iaitu boleh membaca al-Quran dengan baik dan fasih.
- ii. *Tafahhum* dan tafsir iaitu mengetahui makna dan faham maksud ayat-ayat yang dibaca.
- iii. *Tatbiq* bermaksud menghayati atau merealisasi ajaran al-Quran dalam hidupnya dengan sepenuh hati dalam semua aspek kehidupan.
- iv. *Tahfiz* iaitu menghafaz ayat-ayat tertentu dari al-Quran dan dijadikan sebagai amalan, bacaan dalam solat dan wirid.

- v. *Tarannum* bermaksud membaca al-Quran dengan suara yang baik dan merdu serta dengan lagu yang sesuai
- vi. *Ta'lim* bermakna mengajar. Ia bermaksud berusaha belajar sehingga boleh mengajar orang lain.

Dengan cara ini, al-Quran boleh berkembang dari satu masyarakat ke satu masyarakat dan dari satu generasi ke satu generasi (Mohd Yusuf Ahmad, 2000).

Untuk mengatasi masalah bacaan al quran dalam kalangan pelajar proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai kaedah yang sesuai dengan tahap pelajar. Menurut Abdul Raof (1998) gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa pengajaran yang berkesan. Guru matapelajaran Pendidikan Islam perlu mahir melaksanakan amalan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran supaya dapat meningkatkan lagi tahap penguasaan tilawah al-Quran para pelajar. Walaupun mereka telah khatam al-Quran tetapi itu bukanlah jaminan untuk mengatakan bahawa mereka telah menguasai tilawah al-Quran dengan sebaik-baiknya (Mohd Aderi, 2015). Sewajarnya, tenaga pengajar menggunakan kaedah mengajar yang sesuai bagi meningkatkan keberkesan pengajaran. Fatimah (2002) menjelaskan penggunaan kaedah mengajar yang tepat merupakan faktor terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang baik dan menguasai isi kandungan pengajaran antara faktor yang menyumbang kepada kualiti pengajaran guru (Ab Halim, Muhamad Faiz, Kamarul 2012).

Antara kaedah yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ialah dengan menggunakan kaedah *Talaqqi*. Penggunaan kaedah ini disokong dan amat sesuai digunakan untuk pengajaran Tilawah al-Quran (Mohd Yusuf Ahmad: 2000). Kaedah ini bersesuaian dengan kaedah yang dilalui oleh Baginda nabi s.a.w dengan mengambil bacaan daripada Malaikat Jibril a.s dan Malaikat Jibril a.s. mengambilnya daripada Allah S.W.T.

Kalimah “*Talaqqi*” dari sudut bahasa berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu *Talaqqa - Yatalaqqa – Talaqqiyan* manakala *Musyafahah* menurut bahasa adalah bercakap-cakap antara dua pihak atau sebutan dari mulut ke mulut yang diambil daripada pergerakan dua bibir (Idris Abdul Ra'uf al-Marbawi,1990). Menurut Sedek bin Ariffin (2009), kesimpulan pengertian kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Maka, *talaqqi musyafahah* bermaksud pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka di dalam satu majlis pada masa tertentu di mana murid menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka (Nik Ja'far, 2004)

*Talaqqi musyafahah* merupakan kaedah tradisi yang terbukti berkesan menyampaikan sebarang sebutan dengan tepat dan dianggap satu-satunya cara sahaja yang boleh digunakan untuk mempelajari al-Quran. Mempelajari al-Quran menerusi kaedah ini memberikan faedah yang besar kepada guru dan pelajar. Guru dapat memantapkan teknik pengajarannya manakala pelajar dapat menimba ilmu yang tulus, jelas, dan sempurna mengikut kehendak Allah SWT. Pengamalan kaedah *talaqqi musyafahah* dengan betul serta mengikut prinsip-prinsipnya yang telah digariskan akan menghasilkan impak yang positif kepada guru dan pelajar. Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disarankan dalam pembelajaran al-Quran (KPM, 2002).

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Ab. Halim et al. (2013) iaitu ‘Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah Al-Quran Program j-QAF telah mendapat bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* penting dalam melaksanakan model-model Tilawah al-Quran ini. Dalam masa yang sama kebanyakan guru turut menggunakan kaedah-kaedah lain tanpa mengesampingkan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam proses P&P. Namun, kaedah *talaqqi musyafahah* tetap menjadi kaedah yang paling utama. Namun begitu kajian ini mendapat ada guru yang tidak menggunakan dan menekankan kaedah *talaqqi musyafahah* di dalam proses P&P. Dapatkan kajian Mohd Aderi dan Rohani (2009) dalam kajian mereka “Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran” mendapat bahawa masih wujud dalam kalangan guru yang tidak menggunakan dan menekankan *talaqqi musyafahah* di dalam proses P&P.

Menurut Sapie Sabilan (2016) kaedah pembelajaran secara *talaqqi musyafahah* membantu pelajar dalam menguasai al Quran dengan dapatkan kajian beliau menunjukkan 79.4% bersetuju pembelajaran secara talaqqi dan musyafahah membantu pelajar khatam bacaan al-Quran.

Manakala dari segi tahap penguasaan bacaan al-Quran sekolah agama amat baik berdasarkan dapatkan kajian Azarudin Awang (2011) yang menunjukkan pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah agama mempunyai kelebihan dalam membaca al-Quran daripada para pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah biasa apabila ujian t (t-test) menunjukkan skor purata pelajar dari sekolah agama lebih tinggi daripada sekolah biasa dengan markah min. Skor min sekolah agama ialah (3.4439) manakala markah min bagi sekolah biasa ialah (3.3541).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk mendapatkan data tentang kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran al *quran wa al-hifz* dan penguasaan bacaan al-Quran pelajar di SABK. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama yang dibina oleh pengkaji berdasarkan rujukan daripada sumber buku, jurnal dan thesis. Kajian ini melibatkan 24 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Perak yang mempunyai pelajar tingkatan empat dengan lokasi kajian dibahagikan kepada lapan bahagian mengikut Daerah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah iaitu PPD Bagan Datuh, PPD Batang Padang, PPD Hulu Perak, PPD Kinta Utara, PPD Kerian, PPD Kuala Kangsar, PPD Perak Tengah dan PPD LMS (Larut, Matang, Selama) dengan jumlah populasi pelajar ialah 1235 orang. Kajian ini menggabungkan persampelan rawak berlapis dengan persampelan kelompok. Berasaskan gabungan kaedah persampelan berlapis dan berkelompok, maka pengkaji telah memilih secara rawak 8 buah sekolah bagi setiap PPD dengan jumlah pelajar 305 orang daripada jumlah populasi 1235 orang pelajar. Penentuan jumlah sampel seramai 305 orang pelajar bertujuan untuk mengurangkan ralat persampelan. Semua data yang diperolehi diproses dan dianalisis dengan menggunakan komputer melalui program *IBM Statistical Package For The Social Science (SPSS) for windows (version 22.0)*. Data yang diperolehi dilaporkan dalam bentuk min, sisihan piawai untuk dapatkan deskriptif dan untuk dapatkan inferensi menggunakan analisis statistik kolerasi *Spearman Correlation Coefficient* bertujuan mengukur tahap kolerasi yang wujud antara dua pemboleh ubah.

## **Dapatan Kajian**

Hasil dapatan dilaporkan dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Dapatan deskriptif seperti berikut:

### ***Pelaksanaan Kaedah Talaqqi Musyafahah***

Hasil dapatan menunjukkan nilai min keseluruhan bagi pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* erada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, terdapat 15 item berada pada tahap tinggi iaitu item “Mendengar bacaan daripada guru” (min=4.17,sp.=0.86), “Mendengar bacaan daripada rakaman yang dibuat oleh guru” (min=3.66, sp.=1.15), “Guru memperdengarkan bacaan al-Quran kemudian diikuti pelajar” (min=4.13,sp.=0.95), “Guru mengulang bacaan sehingga pelajar boleh menyebut” (min=4.28,sp.=0.90), “Melihat pergerakan bibir guru dalam menyebut mahkraj huruf dengan cara berhadapan” (min=4.03,sp.=0.97), “Guru menyebut bunyi huruf hijaiyah yang berbaris dengan tepat dan diikuti oleh pelajar” (min=4.20,sp.=0.88), “Guru sentiasa bersemuka dengan pelajar untuk mendengar bacaan” (min=3.83,sp.=1.12), “Pelajar meniru bacaan guru dan disemak oleh guru” (min=3.95,sp.=0.99), “Guru dapat mengesahkan kesalahan bacaan dan perbetulkan bacaan” (min=4.34,sp.=0.80), “Guru sentiasa meneliti bacaan pelajar” (min=4.34, sp.=0.80) dan “Guru menyemak bacaan pelajar” (min=4.26, sp.=0.82). Seterusnya, hanya 3 item yang berada pada tahap sangat tinggi iaitu item “Guru membaca al-Quran diikuti oleh pelajar dan guru menegur bacaan yang salah” (min=4.37,sp.=0.89), “Guru memberi contoh bacaan yang betul” (min=4.59,sp.=0.63) dan item “Guru menyebut bacaan Panjang dan pendek sebutan huruf dengan membezakannya” (min=4.50,sp.=0.75).

Dapatan ini membuktikan *talaqqi musyafahah* masih dilaksanakan di SABK negeri Perak dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran walaupun terdapat pelbagai kaedah pengajaran abad 21 yang telah dilaksanakan di sekolah. Walaupun merupakan kaedah tradisional tetapi masih relevan dan boleh dijadikan sebagai contoh dalam pengajaran al-Quran serta hafazan bukan sahaja untuk kurikulum dini malah sebagai salah satu kaedah pengajaran Pendidikan Islam di sekolah harian biasa disamping dengan kepelbagaian kaedah terkini dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam pelajaran.

### ***Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran***

Dapatan kajian bagi tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK di Perak menunjukkan nilai min keseluruhan berada pada tahap tinggi iaitu 4.28 (sp=0.52). Secara keseluruhannya enam item berada pada tahap tinggi iaitu item “Mengetahui hukum-hukum tajwid” (min=4.16,sp.=0.85), “Mengetahui tentang lagu dan suara dalam membaca al-Quran” (min=3.68,sp.=0.99), “Boleh menyebut huruf al-Qur'an mengikut makhraj yang betul” (min=4.17,sp.=0.80), “Boleh menyebut kalimah al-Quran yang bersambung” (min=4.36,sp.=0.80), “Membaca al-Qur'an mengikut hukum tajwid yang betul” (min=4.19,sp.=0.80) dan item “Boleh membaca al-Quran dengan berlagu” (min=3.60, sp.=1.12). Manakala terdapat empat item berada pada tahap sangat tinggi iaitu item “Boleh mengenali huruf-huruf al-Quran” (min=4.85,sp.=0.38), “Boleh menyebut kalimah al-Quran” (min=4.86,sp.=0.40), “Mengenal tanda-tanda bacaan al-Quran” (min=4.62,sp.=0.59) dan item “Boleh membaca al-Quran dengan betul” (min=4.34,sp.=0.79).

Oleh itu, berdasarkan dapatan yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa pelajar SABK di negeri Perak mampu untuk menguasai bacaan al-Quran dengan baik melalui kaedah *talaqqi musyafahah* yang digunakan dalam pengajaran al-Quran dan hafazan.

## **Analisis Inferensi**

Hasil analisis korelasi *Pearson* menunjukkan hubungan yang sederhana tinggi ( $r=0.514$ ,  $p<0.01$ ). Antara pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* dengan tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK di Perak. Oleh hal yang demikian, secara keseluruhan hubungan antara pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* dengan tahap pencapaian adalah kukuh.

Konstruk	r	Sig. (2 tailed) (p)
Pelaksanaan*Pencapaian	0.514**	0.000

Oleh hal yang demikian, secara keseluruhan hubungan antara pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* dengan tahap penguasaan bacaan al-Quran adalah kukuh. Ini dapat disimpulkan kaedah tradisi yang dilaksanakan terbukti berkesan dalam mempertingkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar.

## **Perbincangan**

Dapat diringkaskan bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran *al-Qur'an wa al-Hifz* Kurikulum Dini SABK di perak berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* dijalankan dengan sebaiknya dalam pengajaran *al-Qur'an wa al-Hifz* Kurikulum Dini di SABK negeri Perak. Ini selari dengan kaedah yang digunakan malaikat Jibril dalam mengajarkan al-Quran kepada Rasulullah s.a.w. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Ab. Halim et al. (2013) yang mendapati bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* penting dalam melaksanakan model-model Tilawah al-Quran. Dalam masa yang sama kebanyakan guru turut menggunakan kaedah-kaedah lain tanpa mengesampingkan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam proses P&P. Penggunaan kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran *al-Qur'an wa al-Hifz* Kurikulum Dini bertepatan dengan saranan al-Kailani (1986) yang mencadangkan lima kaedah mengajar al-Quran yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran, iaitu pemilihan kaedah mesti selaras dengan objektif pengajaran, kaedah mesti sesuai dengan mata pelajaran yang diajar, kaedah yang digunakan mesti sepadan dengan usia pelajar, kemampuan guru untuk mengaplikasi kaedah yang dipilih dan masa yang cukup apabila mengaplikasikan mana-mana kaedah yang dipilih. Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan kajian Azmil et al. (2013) yang mendapati bahawa guru-guru tahfiz mengajar al-Quran menggunakan kaedah kaedah *talaqqi musyafahah* secara menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran.

Justeru pelaksanaan kaedah *talaqqi musyafahah* perlu diteruskan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran walapun terdapat pelbagai kaedah-kaedah terkini dalam memastikan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar. Kaedah *talaqqi musyafahah* perlu menjadi teras bukan sahaja dalam pengajaran al-Quran Kurikulum Dini malah juga pengajaran al-Quran dalam matapelajaran Pendidikan Islam dan matapelajaran Pendidikan al-Quran dan Sunnah.

Seterusnya berdasarkan dapatan, tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK di negeri Perak berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini bertepatan dengan Azarudin Awang (2011) menunjukkan pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah agama mempunyai kelebihan dalam membaca al-Quran daripada para pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah biasa apabila ujian t (t-test) menunjukkan skor purata pelajar dari sekolah agama lebih tinggi daripada sekolah biasa dengan markah min. Skor min sekolah agama ialah (3.4439) manakala markah min bagi sekolah biasa ialah (3.3541). Ini menunjukkan pelajar mampu untuk menguasai bacaan al-Quran dengan baik menggunakan kaedah *talaqqi musyafahah* yang

diaplikasikan dalam pengajaran al-Quran. Ini juga disokong oleh Sedek bin Ariffin (2009) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran guru sangat mempengaruhi tahap pemahaman pelajar terhadap ilmu. Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah pengajaran yang melibatkan komunikasi dua hala dan koreksi secara terus. Aktiviti seperti ini menyebabkan apa jua maklumat serta ilmu yang disampaikan oleh guru akan terus terpasak dalam minda pelajar.

Kaedah *talaqqi musyafahah* perlu diberi perhatian oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan al- Quran kerana dapatan kajian ini menunjukkan *talaqqi musyafahah* mempunyai hubungan yang signifikan atau kukuh dengan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Dapatan ini disokong dengan kajian Sapie Sabilan (2016) yang mendapati kaedah pembelajaran secara *talaqqi musyafahah* membantu pelajar dalam menguasai al- Quran dengan dapatan kajian beliau menunjukkan 79.4% bersetuju pembelajaran secara *talaqqi musyafahah* membantu pelajar khatam bacaan al-Quran.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, kaedah *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran *al-Qur'an wa al Hifz* sangat penting bagi menguasai pembacaan dan memahami isi kandungan serta pendidikan yang terdapat dalam al-Quran. Ia berperanan penting dalam memelihara kalam Allah serta tidak boleh dipandang ringan. Hal ini kerana, masyarakat Islam pasti tidak akan mendapat kelebihan dan keberkatan daripada al-Quran yang menjadi mukjizat dan pelindung dunia akhirat. Jika dilihat masyarakat masa kini semakin buta dan semakin meninggalkan bacaan al-Quran. Kajian-kajian keberkesanan kaedah, model, penilaian dan kualiti murid dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dibuat secara berkala bagi memastikan kerelevan program pendidikan dan kualiti murid yang mencapai piawaian dan keperluan pendidikan semasa dalam bidang al-Quran. Ia bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran al -Quran dalam memastikan setiap individu Islam mampu menguasai bacaan al-Quran dengan baik sebagaimana umat terdahulu.

### **Penghargaan**

Kertas kerja ini hasil dari projek penyelidikan bertajuk “Kaedah *Talaqqi Musyafahah* Dalam Pengajaran *al- Quran Wa Al-Hifz* Kurikulum Dini Sabk Di Perak”. Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Malaysia atas pemberian/kelulusan Geran Galakkan Penyelidikan Universiti (Kod 2018-0076-106-01) yang membantu membiayai penyelidikan ini.

### **Rujukan**

- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. (2013). *Penilaian guru terhadap pelaksanaan model-model tilawah al-Quran Program j-QAF*. International Journal of Islamic Thought.
- Ab Halim, T., Muhamad Faiz, I, Kamarul Azmi, J. (2012). *Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. Global Journal Al-Thaqafah
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM

- Ab. Halim Tamuri. (2005). *Isu-isu dalam amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-4. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. (2006). *Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran: Pendekatan Masakini*. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Halim El-Muhammady (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah disiplin dan Peranan Pendidik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam, h.93.
- Abdul Raof Dalip. (1998). *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah*. UKM: Bangi
- Al-Kailani, Taysir. (1986). *al-Taujih al-Fanni fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lebanon
- Azarudin Awang Azman Che Mat Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. (2011) *Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di Uitm*. Asean Journal of Teaching and Learning In Higher Education. Vot 3 No 2, Penerbit Ukm Press Selangor
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. (2013). *Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia*.The Online Journal of Islamic Education January 2013, Vol. 1 Issue 1.
- Hajarul, Huzairi, Hidayat, Hayati dan Nabiroh. (2010). *Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*. Purtajaya: BPI
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). *Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran*. Jurnal Pendidikan Malaysia: UKM 34(1) (2009): 93-109
- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran & Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Faisal, Mohammad Zawawi & Rahimi.(2008). *Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Saidi Mohd. (2008). *Keupayaan Bacaan Al-Quran Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih Di Negeri Terengganu*, Al-Bayan, Journal Of Al-Quran And Al-Hadith Volume 6, 2008, Pages 58 To 85
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Muhammad Idris Abdul Ra'uf al-Marbawi (1990). *Kamus Idris Al-Marbawi 'Arab- Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. H..225 dan H. 323
- Nik Ja'far bin Nik Ismail. (2004). *Buku Qawa'id Tarannum: Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Ramlan Ahmad. (2000). *Kemahiran Membaca Al-Quran Dan Jawi Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Berasrama Penuh: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 81-82.
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni (2018). *Analisis Tahap Penggunaan Bacaan Al-Quran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Al-Quran Dan Model Tasmik J-Qaf*. Conference: International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016), At Eagle Bay, Langkawi, May 2018

- Sedek bin Ariffin. (2009). *Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran*. Jurnal Darul Quran. Vol. 13. Kuala Kubu Baru: Darul Quran.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi, strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd